

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

11 FEB 2017

SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	BUMBUNG BOCOR JEJAS 30 PENIAGA	2
UTUSAN MALAYSIA	200,000 KUNJUNG FESTIVAL LAYANG-LAYANG MINGGU DEPAN	3
SINAR HARIAN	PEMANDU LORI TAK PEDULI	4
SINAR HARIAN	IMPAK BESAR JANA PELANCONGAN	5



# HARIAN METRO

Pasir Gudang

H/M  
11/2/17

## Bumbung bocor jejas 30 peniaga

“Kami bukan saja kekurangan pelanggan, tetapi musim hujan yang melanda kini menyebabkan banyak barang perniagaan mengalami kerosakan,” kata Mohd Shafie Zainal, 31, yang juga peniaga di Pasar Awam Taman Air Biru, di sini.

Mohd Shafie meluahkan perasaan kecewa membitkan 30 peniaga di kawasan terbabit selepas ruang perniagaan mereka didakwa tidak diselenggara dengan baik, malah kemudahan penyelenggaraan tidak disediakan.

Beliau berkata, keadaan bumbung bocor turut memberi kesan kepada pendapatannya di pasar terbabit.

“Ini rutin harian terpaksa kami lalui ketika ini. Keadaan hujan mengakibatkan bumbung bocor, sekali gus memberi kesan



**BUMBUNG** bocor yang tidak diselenggara dengan baik di Pasar Awam Taman Air Biru.

kepada persekitaran kedai kami.

“Air hujan bukan saja bertakung, tetapi barang jualan juga terkena hujan. Meskipun sudah ditutup dengan kanvas, tetapi akan ada barang rosak hingga saya kerugian RM200 hingga RM300,” katanya, semalam.

Katanya, keadaan itu turut menjejaskan jumlah kedatangan pelanggan akibat terkesan dengan masalah berkenaan.

Menurutnya, walaupun aduan sudah dimaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), sehingga kini tiada tindakan dilakukan.



# UTUSAN MALAYSIA

4/m 11/2/17



**TEE SIEW KIONG** (dua dari kanan) tertarik dengan kecantikan seni wau sempena prapelancongan FLLSPG di Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

## 200,000 kunjungi festival layang-layang minggu depan

**JOHOR BAHRU 10 Feb.** - Lebih 200,000 orang dijangka mengunjungi Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) di Bukit Layang-layang, Pasir Gudang, dekat sini, minggu depan.

FLLSPG yang berlangsung untuk kali ke-22 akan berlangsung selama lima hari bermula 22 Februari ini dan buat pertama kali, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) sebagai penganjur.

Pelbagai acara bakal diadakan antaranya pertandingan layang-layang ciptaan bebas, pertunjukan layang-layang lampu diod pemancar cahaya (LED) kawalan jauh dan pelancongan buku mengenai 22 tahun festival itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, penyertaan kali ini melibatkan 40 negara dengan 1,093 peserta antarabangsa dan tempatan mengambil bahagian dalam sembilan kategori.

"Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dijangka mencemar duli merasmikan festival bertemakan Perkong-

sian Bersama Komuniti pada 24 Februari ini, pukul 8 malam.


"Festival yang membabitkan 200 gerai itu diadakan dalam usaha merencanakan lagi industri pelancongan negara," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis prapelancongan FLLSPG di sini, hari ini.

Dalam majlis tersebut, Kumpulan Johor Corporation (JCorp) menyerahkan sumbangan RM315,000 untuk penganjuran FLLSPG.

Yang turut hadir ialah Ahli Parlimen Tebrau, Khoo Soo Siang; Yang dipertua MPPG, Hasrin Kamal Hashim dan Ketua Bandar MBJB, A. Rahim Nin.

Siew Kiong menambah, festival itu memberi impak besar dalam menjana sektor pelancongan sekali gus dapat mempromosikan tempat menarik di negeri ini.

"Ini sebagai menyokong kepada produk dan industri pelancongan sedia ada kerana Johor kaya dengan pelbagai tarikan ekopelancongan dan agropelancongan berikutan keindahan alam semula jadi, pantai dan pulau perangan," katanya.



# SINAR HARIAN

S/A 11/2/17

## Pemandu lori tak peduli

Masih parkir kenderaan di bahu jalan walaupun bahayakan pengguna lain

AZIZAN INCHE HARON

**PASIR GUDANG** - Kedegilan segelintir pemandu yang masih meletakkan kenderaan berat di bahu Jalan Masai Lama berhampiran simpang masuk ke Taman Ria Plentong, di sini, semakin membimbangkan.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Ria Plentong, Amzah Moiden berkata, masalah itu telah berlarutan sejak lebih empat tahun lalu sehingga mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain.

Menurutnya, tindakan pihak berkuasa mengeluarkan saman seolah-olah langsung tidak memberi kesan apabila setiap hari semakin banyak lori diparkir di bahu jalan itu.

"Kita dah buat aduan dan

pihak berkuasa sudah mengeluarkan saman, tetapi pelik apabila makin banyak lori diparkir di bahu jalan itu.

"Mereka langsung tidak prihatin dengan keselamatan pengguna jalan raya lain sehingga kerap mengundang kemalangan di kawasan itu," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini, semalam.

Amzah berkata, penduduk yang ingin keluar dari simpang Taman Ria Plentong terpaksa bergadai nyawa untuk melintas apabila pandangan terhalang oleh deretan kenderaan berat.

Menurutnya, situasi itu telah menyebabkan kekerapan kemalangan apabila kenderaan dari simpang keluar Taman Ria Plentong bertenbong dengan kenderaan yang melalui Jalan Masai Lama, namun be-



Kedudukan kenderaan berat yang diparkir di bahu jalan sehingga mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain. Gambar kecil: Amzah

lum ada yang terkorban.

"Walaupun belum membabitkan kemalangan maut, namun kita minta tindakan

daripada pihak berkuasa yang lebih berkesan untuk menghalang tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pe-

mandu lori.

"Kita tahu mereka hanya berhenti untuk makan, tapi kekerapan dalam tem-

poh masa yang terlalu lama itu seharusnya memikirkan keselamatan pengguna jalan raya lain," katanya.



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • SABTU 11 FEBRUARI 2017

MINGGI KEJADU SENTRAL NORSHIKIN MOHD SALLEH • 019-7906796

JOHOR

37

S/H 11/2/17

## Impak besar jana pelancongan

Lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negara terlibat sekali gus tingkat kebanjiran pengunjung ke Johor

AZIZAN INCHE HARON

JOHOR BAHRU - Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang ke-22 (FLSPG) yang bakal diadakan di Bukit Layang-Layang Pasir Gudang bermula 22 hingga 26 Februari ini menjadi impak besar dalam menjana pelancongan negeri Johor.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, pembabit lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negara menambahkan lagi kebanjiran pelancong ke negeri ini.

Menurutnya, sebahagian peserta antaranya akan dibawa melawat ke destinasi pelancongan menarik di Johor seperti Forest City, Angsana Mall dan sekitar bandar raya

Johor Bahru.

"Saya ingin menyeru penganjur festival lain agar mencontohi cara yang dilakukan oleh MPPG kerana membantu kita mempromosikan produk pelancongan lain yang ada di negeri ini."

"Ia selaras dengan trend pelancong ke Johor yang semakin ketara sehingga mencatatkan peningkatan sebanyak 3 juta dalam tempoh tiga tahun," katanya pada Majlis Pra-Pelancaran FLSPG ke-22, di Aeon Mall Tebrau City, di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Johor, A Rahim Nin; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin



Siew Kiong (dua, kanan) melihat seni ukiran wau sempena Majlis Pra-Pelancaran FLSPG ke-22, di Aeon Mall Tebrau City, semalam.

Kamal Hashim dan Penolong Pengarah Tourism Johor, Amirul Ardy. Siew Kiong berkata, lebih

180 peserta kebangsaan, 250 peserta sekolah seluruh negara dan 236 pelayang antarabangsa dari 40 negara terlibat

pada FLSPG kali ini. Menurutnya, lebih istimewa penganjuran kali ini buat julung kalinya melibatkan

24 zon kawasan pentadbiran MPPG yang mengambil bahagian dalam pertandingan kategori layang-layang ciptaan.

"Kita turut mengekalkan acara pertunjukan dan pertandingan layang-layang bercahaya untuk tarik minat orang ramai ke FLSPG yang dijangka bakal didanijiri lebih 200,000 pengunjung."

"Kita nak pengunjung khususnya pelancong luar negara lebih memahami budaya permainan wau di negara kita yang begitu tinggi nilai estetikanya," katanya.

Katanya, festival itu merupakan salah satu acara antarabangsa tahunan terbesar dianjurkan bersama Kerajaan Negeri Johor, MPPG, Tourism Johor, Persatuan Pelayang Johor dan Majlis Pelayang Malaysia.

